KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 297–319

KEHADIRAN REMAJA KE MASJID DI PERAK: FAKTOR DAN CADANGAN KERANGKA PROGRAM

TEENAGERS' ATTENDANCE AT MOSQUES IN PERAK: FACTORS AND PROPOSED PROGRAMME FRAMEWORK

Muhammad Imran Ibrahim[1], Mohd Nizam Sahad[2*], Nazmi Qayyum Hamdan[2]

[1]Istinbat Unit, Fatwa Division, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Malaysia
[2]Islamic Studies Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

[*]Corresponding author: nizamsahad@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad and Nazmi Qayyum Hamdan. 2026. Kehadiran remaja ke masjid di Perak: Faktor dan cadangan kerangka program. *Kajian Malaysia* 44(2): 297-319. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.13

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.13

ABSTRACT

Muslims gather in mosques to worship, but mosques also serve other purposes. According to numerous studies conducted in various locations, the number of Muslims who frequently attend the mosque is small compared with the local population. Teenagers, who will form the foundation of the next generation of Muslims, should be given particular attention in this regard. Numerous studies examining the perspectives of the mosque committee and the general public have investigated the factors influencing teenagers' attendance at mosques. However, no study has yet examined the perspective of District Mosque Administration Coordinators (DMACs). Therefore, the goal of this study is to identify the factors influencing why teenagers in the state of Perak attend or do not attend mosques, based on the perspectives of DMACs. This study employed a qualitative method using a hermeneutical phenomenological research design. A total of 17 DMAC informants throughout the state of Perak were interviewed. The thematic analysis revealed nine reasons why teenagers attend mosques, the most significant being the influence of their parents and friends. Teenagers' absence from mosques were attributed to seven other factors, the most significant of which was a perceived lack of friendliness because mosque staff are less friendly. To encourage teenagers to attend mosques, a programme framework based on these factors was develop. The program framework consists of three processes: holding a competition, giving a sermon after evening prayer, and finally giving prizes to the winner.

Keywords: teenagers, District Mosque Administration Coordinator, Perak

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

ABSTRAK

Masjid ialah tempat umat Islam beribadat tetapi peranannya bukanlah terbatas pada ibadat sahaja. Berdasarkan beberapa kajian di beberapa tempat, bilangan orang Islam yang hadir ke masjid adalah sedikit berbanding dengan jumlah masyarakat di sekitarnya. Hal ini membimbangkan terutamanya bagi para remaja yang merupakan pelapis bagi generasi umat Islam akan datang. Terdapat beberapa kajian berkenaan dengan faktor remaja ke masjid yang mengambil kira perspektif jawatankuasa masjid dan juga orang awam. Namun begitu, belum ada lagi kajian yang dibuat tentang sudut pandang Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor kehadiran serta ketidakhadiran remaja ke masjid menurut perspektif PPMD di negeri Perak. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi hermeneutikal iaitu dengan menemu bual seramai 17 informan PPMD seluruh negeri Perak. Hasil analisis tematik mendapati terdapat sembilan faktor yang menyebabkan remaja hadir ke masjid, dengan pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya dikenal pasti sebagai faktor yang paling signifikan. Selain itu, terdapat tujuh faktor yang menyebabkan remaja tidak hadir ke masjid, dan faktor yang paling dominan ialah sikap sebahagian ahli masjid yang kurang mesra. Berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi minat remaja terhadap aktiviti masjid, satu kerangka program telah dibangunkan. Kerangka tersebut terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu penganjuran pertandingan, penyampaian ceramah selepas solat Maghrib, dan penyampaian hadiah kepada para peserta.

Kata kunci: remaja, Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah, Perak

PENGENALAN

Umat Islam wajib mendirikan solat lima waktu pada setiap hari. Solat-solat tersebut digalakkan untuk dilakukan di masjid secara berjemaah. Perkataan masjid berasal daripada bahasa Arab iaitu *sajada* (سجد) yang bermaksud merendah diri, manakala sujud bermaksud tunduk dan meletakkan dahi di atas bumi (Al-Razi al-Lughawi 1999). Kalimah masjid (مسجد) terbit daripada lafaz sujud yang membawa maksud tempat untuk bersolat (Al-Raghib 1991). Manakala lafaz masjad pula bermaksud tujuh bahagian anggota badan yang tersentuh di atas muka bumi ketika bersujud iaitu dahi, kedua-dua hujung tapak kaki, kedua-dua lutut, dan kedua-dua tapak tangan (Al-Razi al-Lughawi 1999).

Menurut Fauwaz (n.d.), kalimah masjid merujuk kepada tiga makna iaitu nama bagi tempat, masa dan perbuatan. Tempat merujuk kepada tempat solat, masa merujuk kepada masuknya waktu solat dan perbuatan merujuk kepada perbuatan sujud. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa maksud asal masjid ialah tempat sujud walaupun tanpa bangunan. Namun begitu, masyarakat awam terutamanya orang Malaysia memahami maksud masjid dengan gambaran bahawa ia sepatutnya memiliki binaan atau bangunan. Hal ini berdasarkan definisi *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka 2005) yang menyatakan

masjid ialah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadat-ibadat lain. Definisi *Kamus Dewan* tersebut tiada masalah kerana berdasarkan pertuturan dalam bahasa Melayu dan bukannya bahasa Arab.

Al-Quran menyebut perkataan masjid sebanyak 28 kali (Jeffery 2007). Masjid memiliki beberapa konotasi dalam al-Quran iaitu merujuk kepada Masjid al-Haram, Masjid al-Aqsa dan masjid umum tempat untuk beribadat. Al-Quran juga menggunakan lafaz lain bagi merujuk masjid seperti *al-saf*, *al-bait* dan jamaknya iaitu *al-buyut* (Zawawi 2007). Antara kelebihan umat Islam di bawah syariat Nabi Muhammad SAW ialah kelebihan diharuskan untuk solat di mana-mana saja di atas muka bumi ini. Baginda bersabda yang bermaksud: "Dijadikan untukku tanah bumi ini masjid (tempat solat) dan bersih (untuk bersuci)" (Ibn Abi Shaibah, no. 7752; sahih).

Menurut Iyad (1998), para nabi terdahulu hanya diharuskan untuk beribadat di tempat khusus seperti biara (*al-bay'*) dan gereja (*al-kana'is*), manakala umat Nabi Muhammad SAW diharuskan untuk solat di seluruh muka bumi kecuali tempat yang diyakini bernajis (Abdullah Walad 2008). Terdapat beberapa tempat di atas muka bumi ini yang dilarang solat. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Bumi seluruhnya ialah masjid (tempat solat) kecuali tandas dan kubur" (Abu Dawud, no. 492; sahih).

Abdullah Walad (2008) berpendapat masjid memiliki empat peranan utama iaitu mengukuhkan akidah Islam dalam kalbu sekalian umat Islam, memantapkan nilai-nilai kerohanian dalam kehidupan umat Islam, menyatukan kesatuan dan saf umat Islam dan menyebarkan semangat kerjasama dan tolong-menolong dalam kehidupan umat Islam. Ali Al-Tantawi (n.d.) pula berpendapat bahawa masjid berperanan sebagai tempat ibadat, parlimen, tempat berkumpul, sekolah dan mahkamah.

Sebahagian besar peranan yang dirincikan ini telah mempunyai tempat pengurusan yang tersendiri seperti jabatan mahkamah, penjara tawanan perang, sekolah dan sebagainya. Sebahagiannya masih diamalkan sehingga hari ini, seperti mesyuarat, kuliah ilmu, pemberian makanan percuma pada hari Jumaat, dan lain-lain. Walau apa jua peranan masjid yang para sarjana simpulkan, memakmurkan masjid merupakan perkara yang amat dituntut dalam Islam sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

> Hanya golongan yang layak memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman pada Allah dan hari akhirat serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut selain kepada Allah, maka merekalah orang yang diharapkan termasuk golongan yang mendapat petunjuk. (Surah Al-Taubah 9:18)

Apabila menyebutkan perkaitan antara masjid dan remaja, maka riwayat daripada Anas bin Malik RA berikut menunjukkan galakan remaja atau kanak-kanak ke masjid. Beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

> Sesungguhnya aku masuk ke dalam solat dan aku hendak memanjangkannya. Kemudian aku mendengar suara tangisan kanak-kanak maka aku ringkaskan solatku, kerana aku tahu ibunya akan rasa susah dengan tangisannya itu. (Al-Bukhari, no. 709)

Al-Shaukani (1993) mengatakan bahawa hadis ini menunjukkan keharusan untuk membawa masuk kanak-kanak ke dalam masjid selagi tidak mengotorkan masjid. Walaupun hadis-hadis ini menyebut tentang kanak-kanak yang masih belum baligh, tetapi ia mengisyaratkan keharusan untuk membawa kanak-kanak ke dalam masjid. Hadis-hadis tersebut menunjukkan anjuran agar ahli masjid bersikap mesra terhadap kanak-kanak walaupun masih kecil, apatah lagi bagi remaja yang sudah baligh.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan ayat al-Quran, hadis dan pendapat para sarjana yang telah dibahaskan tadi, amat jelas bahawa masjid merupakan tempat mulia bagi umat Islam dan memiliki kelebihan dalam memakmurkannya. Akan tetapi, umat Islam kurang mengambil berat mengenai isu ini.

Kajian yang dilakukan di Masjid Saidina Osman di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur (Mohammad 2002), Masjid Negara (Mahayudin 2007) dan Masjid Mukim Paya Lada, Ketereh (Mohamad Azrien, Muhammad Azmi dan Shukeri 2010) mendapati bahawa jumlah orang Islam yang hadir ke masjid adalah sedikit berbanding jumlah penduduk di sekitarnya. Antara faktor para remaja kurang ke masjid adalah kerana tidak mengambil berat dalam penganjuran aktiviti dan program. Perkara ini senada dengan dapatan para pengkaji seperti Mohd Mahzan et al. (2008), Suhaila et al. (2008), Mohd Nizam dan Ahmad Badri (2010) iaitu mereka menyatakan bahawa para remaja tidak menghiraukan dan tidak mengambil peduli dengan aktiviti kerohanian yang diadakan di masjid atau surau kerana remaja mudah terpengaruh dengan budaya luar seperti hedonisme dan gaya hidup kebaratan.

Marzuki (2011) pula menyatakan bahawa masjid yang berada di lokasi yang kurang strategik menyebabkan orang ramai kurang pergi ke masjid. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada para remaja untuk hadir ke masjid jika mereka bergantung dengan kenderaan ibu bapa mereka. Akan tetapi Saharizah (2019) mendapati bahawa aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh masjid memberikan kesan positif kepada remaja di Selangor. Maka dapat difahami bahawa kehadiran remaja juga berkait rapat dengan pengurusan aktiviti masjid.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, timbul permasalahan kajian iaitu berkenaan dengan kehadiran remaja di masjid. Apakah punca mereka tidak hadir ke masjid dan sejauh manakah keterlibatan mereka di masjid? Remaja ditakrifkan sebagai golongan yang berusia antara 10 tahun hingga 19 tahun. Mereka dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal (10–14 tahun), peringkat pertengahan (15–17 tahun), dan peringkat akhir (18–19 tahun) (Kementerian Kesihatan Malaysia 2005).

Terdapat beberapa kajian berkenaan dengan keterlibatan remaja dengan masjid yang mengambil kira perspektif jawatankuasa masjid dan juga orang awam. Namun begitu, masih belum ada lagi kajian yang dibuat menurut perspektif Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk fenomenologi dan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Temu bual ialah interaksi antara dua orang atau lebih untuk memandu perbincangan berasaskan konteks kajian dan memahami informan daripada kaca mata mereka sendiri (Aizan Sofia, Ezarina dan Norulhuda 2021).

Pendekatan fenomenologi yang digunakan ialah fenomenologi hermeneutikal yang berkisar tentang pengalaman dan mentafsirkannya menurut "teks kehidupan" (van Manen 1990). Menurut van Manen (1990) serta Creswell dan Poth (2018), antara data yang boleh diterima pakai selain orang yang merasai sendiri fenomena itu ialah pemerhatian. Oleh itu, informan yang disasarkan ialah PPMD di seluruh negeri Perak yang melibatkan 17 orang pegawai di 17 daerah. Mereka ialah informan yang mengamati sendiri fenomena tersebut kerana terlibat dalam pengurusan masjid.

Jumlah informan yang diperlukan bagi reka bentuk fenomenologi ialah antara 5 hingga 25 orang (Creswell dan Poth 2018), maka saiz sampel bagi kajian ini amat mencukupi. Kajian ini dijalankan melalui kaedah temu bual. Justifikasi pemilihan PPMD berbanding remaja adalah wajar dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kajian yang melibatkan temu bual remaja memerlukan pemilihan beberapa masjid yang mewakili negeri Perak. Pendekatan tersebut berkemungkinan menghasilkan lebih daripada 30 orang peserta, sedangkan saiz sampel dalam kajian fenomenologi kualitatif lazimnya mencukupi antara 5 hingga 25 orang peserta. PPMD juga mempunyai pengalaman memerhati pelbagai masjid di daerah masing-masing serta terlibat dalam pelbagai program bersama remaja, sekali gus membolehkan mereka merumuskan dapatan berdasarkan pemerhatian dan pengalaman tersebut. Instrumen dalam kajian ini menggunakan soalan separa-struktur. Antara soalan temu bual yang dikemukakan seperti berikut: (1) Apakah faktor remaja minat ke masjid?; (2) Apakah kekangan dan halangan yang menyebabkan remaja tidak mahu datang ke masjid?.

Reka bentuk fenomenologi menumpukan kenyataan-kenyataan signifikan daripada informan untuk memahami fenomena tersebut (Creswell dan Poth 2018). Oleh itu, kaedah analisis yang sesuai untuk mengklasifikasikan kenyataan signifikan tersebut ialah dengan menyusunnya secara bertema, iaitu analisis tematik. Analisis tematik ialah proses mengenal pasti pola atau tema dalam data kualitatif. Matlamatnya adalah untuk mengenal pasti tema, iaitu corak dalam data yang penting atau bermakna dan menggunakan tema tersebut sebagai sesuatu yang mampu menjelaskan isu kajian (Aizan Sofia, Ezarina dan Norulhuda 2021).

Selain itu, Perak merupakan negeri yang paling ramai PPMD di Semenanjung Malaysia iaitu berjumlah 17 pegawai yang mewakili 17 daerah. Nama-nama daerah tersebut ialah Bagan Datuk, Gerik/Pengkalan Hulu, Seri Iskandar, Kampar, Muallim, Ipoh, Batu Gajah, Kg. Gajah, Manjung, Bagan Serai, Parit Buntar, Tapah, Hilir Perak (Teluk Intan), Lenggong, Kuala Kangsar, Taiping dan Selama. Oleh sebab itu, negeri Perak dijadikan lokasi kajian selain menjadi perintis bagi kajian lain kelak yang menumpukan negeri lain pula.

TUGAS PENYELARAS PENTADBIRAN MASJID DAERAH

Pada tahun 2016, jawatan PPMD mula mendapat status *contract of service* yang mempunyai skim Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Gred S29) lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Oleh itu, kontrak ini perlu diperbaharui dua tahun sekali dan mendapat kenaikan gaji serta bonus setiap tahun. Kelulusan akademik bagi jawatan ini ialah Diploma/STPM/STAM. Pada tahun 2008, PPMD ditempatkan di Pejabat Baitulmal Daerah di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Kemudian pada tahun 2018, PPMD kembali berada di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan ditempatkan di seluruh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Negeri Perak (Muhammad Imran et al. 2022).

Skop tugas PPMD telah digariskan oleh dua pengurusan iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau Jabatan Agama Islam Perak serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak seperti Jadual 1.

Jadual 1: Skop tugas PPMD

Skop tugas PPMD menurut JAKIM/JAIPk	**Skop tugas PPMD menurut MAIPk**
Bertanggungjawab kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah dan Pegawai Penyelaras Takmir Negeri.	Bertanggungjawab dan melaporkan terus kepada pengarah MAIPk melalui Pegawai Baitumal Daerah.
Menyelaras dan memantau perkembangan program-program takmir masjid peringkat daerah.	Membantu menyalurkan segala arahan MAIPk kepada jawatankuasa kariah.
Menyusun jadual kelas-kelas pengajian takmir secara bulanan.	Membantu Pegawai Baitumal Daerah membimbing dan mengawasi pentadbiran jawatankuasa kariah di masjid-masjid dalam negeri Perak.
Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam urusan: (i) Pelantikan dan pengurusan kewangan jawatankuasa masjid dan surau; (ii) Pengimarahan masjid dan surau dengan kerjasama agensi kerajaan/swasta/organisasi bukan kerajaan/pertubuhan sukarela; (iii) Fungsi masjid dan surau sebagai pusat pembangunan masyarakat setempat; dan (iv) Menangani sebarang permasalahan fungsi masjid dan surau.	Menyelia perjalanan program pengimarahan di masjid-masjid meliputi program keilmuan dan khidmat komuniti.
Menyelaras dan mengemaskini data sistem maklumat imam, guru takmir dan masjid.	Mengawal perjalanan pentadbiran jawatankuasa kariah.
Membantu merancang dan menyelia pembangunan dan penyelenggaraan masjid serta surau.	Membantu jawatankuasa kariah merancang dan memakmurkan masjid dengan pelbagai program dan aktiviti.
Menyemak dan mengesahkan borang tuntutan elaun mengajar guru takmir di peringkat daerah.	Memastikan semua aktiviti yang dijalankan di kariah-kariah masjid selari dengan tuntutan Islam dan mematuhi segala dasar dan ketetapan MAIPk.
Menyediakan laporan tahunan program takmir di peringkat daerah.	Mematuhi segala arahan yang diberikan oleh MAIPk.
Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.	Menjadi penghubung antara MAIPk dan JAIPk dengan kariah-kariah masjid.
	Menjadi rujukan bagi ahli ahli jawatankuasa kariah dalam urusan pentadbiran masjid.
Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.	

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membahaskan dapatan temu bual mengenai faktor-faktor remaja hadir ke masjid serta faktor-faktor remaja tidak hadir ke masjid.

Faktor-faktor Remaja Hadir Ke Masjid

Jadual 2 menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan remaja hadir ke masjid.

Jadual 2: Faktor-faktor remaja hadir ke masjid

Faktor-faktor	Pendapat PPMD
FH1: Galakan ibu bapa dan rakan-rakan	Semua PPMD (100%)
FH2: Program yang sesuai dengan remaja	Bagan Datuk, Hilir Perak, Kampar, Manjung, Muallim, Parit Buntar, Selama, Taiping, Seri Iskandar, Gerik dan Pengkalan Hulu, Muallim, Selama, Taiping, Tapah (82%)
FH3: Kemesraan orang masjid	Bagan Datuk, Bagan Serai, Batu Gajah, Hilir Perak, Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping, Tapah, Selama, Kg. Gajah, Seri Iskandar (71%)
FH4: Fasiliti	Bagan Serai, Hilir Perak, Manjung, Parit Buntar, Selama, Kg. Gajah, Seri Iskandar (41%)
FH5: Makan dan minum	Gerik dan Pengkalan Hulu, Kampar, Muallim, Selama, Seri Iskandar (29%)
FH6: Penceramah berdaya tarikan	Bagan Datuk, Hilir Perak, Kuala Kangsar, Lenggong, Seri Iskandar (29%)
FH7: Penawaran jawatan belia	Batu Gajah, Ipoh, Tapah (18%)
FH8: Ilmu	Manjung (8%)
FH9: Majlis bacaan Yaasin	Selama (6%)

Nota: FH = faktor hadir

Faktor galakan ibu bapa dan rakan-rakan

Faktor paling signifikan para remaja hadir ke masjid adalah disebabkan galakan ibu bapa atau rakan-rakan. Kesemua PPMD (100%) bersepakat mengenai hal ini. Hal ini berkait rapat dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah, kedua-dua orang tuanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi. Seperti haiwan yang dilahirkan oleh haiwan, adakah kalian melihat pada anaknya ada yang terpotong telinganya?" (Al-Bukhari, no. 1385).

Ali al-Qari (2002) mengatakan bahawa seseorang itu menjadi Islam atau agama lain ialah kebiasaannya berpunca daripada ibu bapa. Hal ini dicontohkan oleh Rasulullah SAW yang mentarbiah cucunya untuk ke masjid sejak kecil lagi. Abu Qatadah RA meriwayatkan yang bermaksud: "Nabi SAW keluar mengimami solat sedang mendukung Umamah binti Abi al-'As (cucu baginda melalui Zainab RA). Apabila Baginda rukuk diletakkannya dan apabila bangun daripada sujud baginda mengangkatnya semula" (Al-Bukhari, no. 5996).

Menurut al-'Asqalani (1959), hadis ini menjadi dalil bahawa kanak-kanak dibolehkan masuk ke dalam masjid. Oleh itu, sahsiah anak terutamanya berkaitan dengan solat ini merupakan tanggungjawab ibu bapa. Hal ini demikian kerana ibu bapa merupakan pengaruh penting dalam mendidik anak-anak sebagaimana dapatan hasil kajian ini.

Faktor program yang sesuai dengan remaja

Faktor kedua ialah program yang sesuai dengan jiwa remaja. Sebanyak 82% PPMD berpendapat sedemikian. Hal ini meliputi ceramah, majlis dan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid. Program tersebut perlulah sesuai dengan tahap pemikiran mereka, lebih-lebih lagi jika aktiviti tersebut dikelola oleh orang yang tidak jauh berbeza usia. Saharizah dan Abdul Munir (2018) mendapati antara program yang paling digemari oleh para remaja Selangor di masjid dalam kategori riadah dan sukan ialah aktiviti senaman (82.1%) diikuti dengan berbasikal (78.9%), *jungle tracking* (78.6%) dan pingpong (60.5%). Hal ini menunjukkan aktiviti riadah relevan untuk menarik minat remaja ke masjid.

Menurut para PPMD, antara aktiviti riadah yang berpotensi menarik kehadiran remaja ke masjid ialah penyediaan pelbagai aktiviti dan kemudahan rekreasi seperti meja ping pong, futsal, aktiviti permotoran melibatkan komuniti bikers, pemasangan bendera sempena Hari Kebangsaan, gotong-royong mengecat pagar masjid, aktiviti rebana selepas solat Maghrib hingga Isyak, serta kelas silat dan memanah. Sebagai contoh, Masjid Rahmaniah Tebuk Jawa telah membeli peralatan memanah bagi menganjurkan kelas berkaitan, yang kemudiannya mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan remaja.

Aktiviti-aktiviti sebegini harus dilakukan di masjid lebih-lebih lagi berkaitan dengan jihad seperti aktiviti memanah dan perlumbaan. Ibn Rajab (1996) menyatakan bahawa harus untuk bermain dengan alatan perang di dalam masjid kerana ia merupakan latihan berjihad yang termasuk dalam rangka ibadah. Menurut Mohamad Tajuddin (1999), program seni bela diri patut diajarkan di masjid dalam suasana penuh keislaman dan semangat waja untuk berjihad. Oleh itu, para ahli jawatankuasa masjid boleh memberikan galakan atau maklumat mengenai aktiviti riadah di mimbar semasa solat Jumaat.

Faktor kemesraan orang masjid

Faktor ketiga ialah kemesraan orang masjid terhadap remaja sebanyak 71%. Orang masjid merujuk kepada ahli jawatankuasa masjid ataupun jemaah yang sudah dewasa. Menurut Mohd Nizam dan Ahmad Badri (2010) serta Abdul Munir (2012), pegawai masjid merupakan contoh kepada masyarakat setempat. Kurangnya jurang antara pihak masjid dengan remaja memudahkan mereka untuk bergaul tanpa rasa kekok. Menurut PPMD Selama (6 Oktober 2020), usia pengajar yang muda mampu menarik minat para remaja untuk belajar di masjid kerana berasa selesa dengan pengajar yang tidak terlalu tua sebagaimana yang berlaku di Masjid Rantau Panjang. Oleh itu, usia dan akhlak memainkan peranan dalam mengurangkan jurang antara orang masjid dan remaja. Hal ini menepati sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Bukanlah daripada (golongan) kami bagi sesiapa yang tidak mengasihi anak-anak kecil kita dan tidak memuliakan orang tua kita" (Al-Tirmidhi, no. 1920; sahih).

Faktor fasiliti

Sejumlah 41% PPMD berpendapat bahawa fasiliti merupakan salah satu faktor penting. Masjid yang lengkap dengan fasiliti mampu membuatkan remaja lebih kerap berada di kawasan masjid. Menurut Nor Hasimah dan Abdul Munir (2019), prasarana masjid yang lengkap, susun atur ruang tandas dan wuduk yang berdekatan adalah antara faktor yang mempengaruhi pergerakan aktif program-program dakwah di masjid-masjid daerah Batang Padang, Perak.

Para PPMD memberikan beberapa contoh fasiliti yang dapat disimpulkan kepada tiga fasiliti utama, iaitu ruang santai, kemudahan internet dan tempat beriadah. Contohnya, menurut PPMD Bagan Serai (14 Oktober 2021), Masjid Bukit Putus menyediakan ruang santai bagi remaja di depan masjid. Fasiliti Wi-Fi pula adalah antara perkara yang disukai remaja kerana dapat bermain permainan telefon serta mencari maklumat untuk menyiapkan tugasan. Melengkapkan masjid dengan kemudahan sebegini adalah dibenarkan. Menurut Mohd Nizam et al. (2020), cara menggalakkan anak-anak muda mengimarahkan masjid adalah dengan membina tempat yang serasi dan selesa bagi orang muda seperti *coffee corner* dan juga terdapatnya Wi-Fi yang sentiasa dipandu dan dipimpin ke arah kebaikan.

Selain itu, masjid boleh mewujudkan landskap yang mesra komuniti, khususnya golongan belia, melalui penyediaan ruang terapi dan rekreasi. Sebagai contoh, kewujudan kolam ikan yang bersih dan terpelihara bukan sahaja mencantikkan persekitaran masjid, malah mampu mewujudkan suasana yang nyaman dan menenangkan kepada pengunjung. Wanili (1993) menyebut tentang keharusan membuat bilik khusus untuk para tetamu berehat dengan syarat ia tidak menyempitkan ruang masjid. Selain itu, membuat fasiliti berlebihan yang tidak

diperlukan di masjid adalah dilarang kerana ia merupakan salah satu bentuk *israf* (berlebihan). Fauwaz (n.d.) menegaskan bahawa melakukan pembinaan masjid yang melebihi keperluan masyarakat sehingga kos penyelenggaraan tidak dapat ditampung oleh pihak masjid merupakan perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Fasiliti untuk beriadah seperti gelanggang sepak takraw, futsal dan lain-lain perlu diwujudkan bagi menarik remaja datang ke masjid. Menurut PPMD Hilir Perak (1 Oktober 2020), walaupun sebahagian daripada mereka yang datang ke masjid bukan untuk solat, tetapi sekurang-kurangnya mereka tidak berasa malu untuk datang ke masjid kerana sudah terbiasa menggunakan kemudahan masjid seperti tandas, perpustakaan, bilik tuisyen dan gelanggang permainan. Hukum bermain permainan yang berunsurkan jihad di dalam masjid adalah harus (Ibn Rajab 1996, 3/340). Namun begitu, segala aktiviti di dalam masjid hendaklah tidak mengganggu orang lain jika ada yang sedang beribadat (Fauwaz n.d.). Permainan hiburan seperti bola sepak dan seumpamanya sesuai dilakukan di luar masjid.

Fasiliti untuk golongan orang kurang upaya (OKU) juga penting kerana faktor utama remaja ke masjid ialah ibu bapa. Jika masjid tidak menyediakan kemudahan OKU, maka ia turut memberikan kesan terhadap kehadiran orang tua ke masjid kerana tidak mahu menyusahkan anak-anak mereka untuk mengangkat kerusi roda menaiki tangga dan sebagainya. Begitu juga jika golongan OKU itu terdiri daripada remaja. Menurut kajian masjid-masjid di daerah Batang Padang oleh Abdul Munir et al. (2015), fasiliti OKU di masjid kampung adalah kurang memuaskan dan kebanyakannya hanya terdapat di bandar, sedangkan terdapat riwayat bahawa seorang buta meminta Rasulullah SAW agar memberinya keringanan untuk solat di rumah kerana tiada orang yang mengiringinya, tetapi baginda tidak memberikan keringanan tersebut apabila orang buta itu berkata bahawa dia mampu mendengar azan (Muslim, no. 653).

Faktor makan dan minum

Faktor kelima ialah makan dan minum (29%). Menurut PPMD Muallim (12 Oktober 2021), remaja suka hadir ke majlis jamuan atau program yang menyediakan makan dan minum seperti kenduri. Mohd Nizam et al. (2020) menyatakan cadangan bagi menarik remaja ke masjid adalah dengan mengadakan jamuan atau sembang santai dengan orang muda dalam uslub dakwah yang harmoni. Amalan murni seperti ini bertepatan dengan hadis riwayat Abdullah bin Amr RA bahawa Nabi SAW bersabda apabila ditanya apakah yang terbaik berkaitan Islam yang bermaksud: "Kamu memberi makan dan mengucapkan salam kepada orang yang kamu kenal dan kepada orang yang kamu tidak kenal" (Al-Bukhari, no. 12).

Maka Nabi SAW juga menggalakkan agar makanan digantungkan di dinding-dinding masjid. Hal ini berdasarkan riwayat Ibn 'Umar RA yang bermaksud: Bahawasanya Rasulullah SAW mengarahkan agar tandan kurma (digantungkan) pada setiap dinding di dalam masjid (Ibn Hibban, no. 1189; para perawinya sahih).

Faktor penceramah berdaya tarikan

Faktor keenam ialah penceramah berdaya tarikan (29%). Nor Hasimah dan Abdul Munir (2019, 31) mengesahkan hal ini dengan kenyataan berikut.

> Begitu juga dengan program hari kebesaran Islam seperti ceramah Maulidur Rasul, Maal hijrah, Nuzul Quran dan lain-lain turut mendapat sambutan daripada masyarakat. Diperhatikan masyarakat ikut serta untuk hadir ke majlis-majlis seperti ini kerana program ini diadakan secara bermusim. Apatah lagi sekiranya jemputan penceramah adalah dalam kalangan orang yang terkenal dan luas ilmu pengetahuannya.

Dua informan menyatakan bahawa penceramah perlu menyampaikan mesej dakwah dengan cara lawak jenaka. Ceramah yang diselangi dengan sedikit jenaka adalah diharuskan, tetapi jika terlalu banyak diisi dengan jenaka bukanlah ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW kerana baginda bersabda yang bermaksud: "Janganlah banyak ketawa, kerana banyaknya ketawa itu mematikan kalbu" (Al-Tirmidhi, no. 2305).

Selain itu, guru yang mengajar di masjid menyampaikan tajuk yang ringan dan tidak berat adalah penyebab remaja menghadiri masjid. Wanili (1993) mengatakan bahawa para guru atau khatib perlu menceritakan kisah-kisah perjuangan para pahlawan Islam dan menerangkan asas serta keutamaan Islam sejak usia awal agar mereka membesar menjadi generasi yang gagah dan ikhlas dalam memperjuangkan agama. Hal ini lebih diminati oleh para remaja kerana sifat mereka pada masa itu untuk mencari idola atau wira. Mohd Nizam et al. (2020) mencadangkan agar diadakan ceramah khas untuk orang muda yang menjawab isu berkaitan kehidupan yang dilalui oleh mereka dan jalan penyelesaiannya seperti isu cinta menurut neraca syariat, isu membina keluarga bahagia, isu pekerjaan, isu pengangguran, isu melunaskan hutang dengan sebaik mungkin dan isu-isu lain.

Faktor penawaran jawatan belia

Faktor ketujuh ialah penawaran jawatan kepada belia (18%). Sikap AJK masjid yang tidak membelakangi remaja atau belia membuatkan para remaja rapat dengan masjid. Mereka melantik belia untuk menjadi tukang azan, imam dan jawatan penting yang lain. PPMD Tapah (7 Oktober 2020) pernah menyuarakan bahawa ketika beliau belum menjawat jawatan PPMD, beliau pernah menjadi penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) tetapi tidak pernah diberi peluang

untuk menjadi pelapis imam masjid dan tidak pernah diberi peranan dalam biro belia. Jemaah seolah-olah menjadikan masjid sebagai tempat eksklusif warga emas atau dewasa sahaja.

Rasulullah SAW pernah melantik Usamah bin Zaid sebagai ketua batalion (Al-Bukhari, no. 3730). Usamah ketika itu masih muda dan menunjukkan keharusan memberikan tauliah kepada orang muda untuk memimpin orang yang lebih tua (Al-'Asqalani 1959). Selain itu, 'Umar al-Khattab pernah memasukkan Ibn 'Abbas ke dalam majlis yang dihadiri sahabat-sahabat senior (Muhajirin dan Ansar) sehingga sebahagian senior menyoal tindakan tersebut. Lalu 'Umar berkata, "Dia seorang pemuda yang matang, lisannya banyak menyoal dan jiwanya cerdas" (Al-'Asqalani 1959). Bahkan Amr ibn Salamah RA pernah dilantik menjadi imam solat ketika usianya enam atau tujuh tahun (Al-Bukhari, no. 4302).

Faktor ilmu

Faktor kelapan ialah ilmu (8%). Menurut PPMD Manjung (24 September 2020), sebahagian remaja ingin menambah ilmu pengetahuan dalam kuliah, kelas bimbingan, tuisyen dan lain-lain. Beliau juga mengatakan bahawa ada remaja yang suka bergaul dengan jemaah yang lebih tua di masjid kerana suka mendengar pengalaman mereka yang berusia. Saharizah dan Abdul Munir (2018) mendapati program masjid berbentuk pendidikan dan pembelajaran yang paling diminati para remaja di Selangor ialah kelas komputer (79.2%) diikuti dengan mini perpustakaan (78.4%), ceramah motivasi jati diri (77.9%) dan kursus kepimpinan (74.8%). Peranan masjid sebagai tempat penyebaran ilmu telah dibuat sejak zaman Rasulullah SAW lagi (Wanili 1993; Omer 2014).

Faktor majlis bacaan Yaasin

Faktor terakhir ialah majlis bacaan Yaasin (6%). Menurut pengamatan PPMD Selama (6 Oktober 2020), remaja juga kerap hadir ketika majlis bacaan Yaasin pada setiap malam Jumaat. Kehadiran remaja ketika majlis bacaan Yaasin dapat dikaitkan dengan faktor makan dan minum kerana sering kali terdapat jamuan makan semasa majlis-majlis sebegitu. Beberapa kajian mendapati bahawa kehadiran jemaah adalah tinggi pada hari Jumaat dan pada beberapa acara sambutan tertentu sahaja (Roslan 2003; Rizam dan Maimun 2010).

Faktor-faktor Remaja Tidak Hadir ke Masjid

Jadual 3 menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan remaja tidak hadir ke masjid.

Jadual 3: Faktor-faktor remaja tidak hadir ke masjid

Faktor-faktor	**Pendapat PPMD**
FTH1: Orang masjid kurang mesra	Bagan Datuk, Bagan Serai, Batu Gajah, Gerik dan Pengkalan Hulu, Ipoh, Kuala Kangsar, Lenggong, Manjung, Selama, Taiping, Tapah, Batu Gajah, Seri Iskandar (76%)
FTH2: Tiada tempat atau aktiviti yang menarik minat remaja	Bagan Serai, Gerik dan Pengkalan Hulu, Hilir Perak, Lenggong, Parit Buntar, Selama, Tapah (41%)
FTH3: Leka dengan permainan gajet	Bagan Datuk, Batu Gajah, Ipoh, Kampar, Kuala Kangsar, Lenggong, Manjung, Tapah, Seri Iskandar (52%)
FTH4: Pengaruh rakan sebaya	Kampar, Muallim, Selama
FTH5: Tidak didedahkan fadilat ke masjid	Tapah (6%)
FTH6: Sibuk bekerja	Parit Buntar (6%)
FTH7: Tidak pandai baca al-Quran	Seri Iskandar (6%)

Nota: FTH = faktor tidak hadir

Faktor orang masjid kurang mesra

Dapatan paling signifikan tentang faktor remaja tidak hadir ke masjid ialah sikap kurang mesra orang masjid terhadap remaja. Antaranya adalah seperti tidak bertegur sapa, memandang rendah kepada remaja, suka mengata di belakang (mengumpat) dan sikap lain menyebabkan remaja tidak selesa ke masjid. Sikap lain ialah menegur secara tidak berhikmah, contohnya kanak-kanak yang bermain semasa solat atau kelas pengajian dimarahi dan dihalau dari masjid. Menurut PPMD Taiping (6 Oktober 2020), sebahagian AJK masjid tidak pandai menarik anak muda untuk datang ke masjid, bahkan anak mereka sendiri tidak mahu datang ke masjid untuk mengimarahkan masjid. Menurut PPMD Batu Gajah (12 Oktober 2020), kadang-kadang terlalu banyak pantang larang terhadap remaja yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pentadbiran. Kemesraan antara orang tua dan orang muda telah dipesan oleh Rasulullah SAW. Baginda bersabda yang bermaksud: "Bukanlah daripada (golongan) kami bagi sesiapa yang tidak mengasihi anak-anak kecil kita dan tidak memuliakan orang tua kita" (Al-Tirmidhi, no. 1920; sahih).

Antara perkara yang boleh mengeratkan kemesraan antara pihak masjid dengan remaja adalah dengan melakukan program bersama yang berbentuk sosial. Menurut Saharizah dan Abdul Munir (2018), program masjid berbentuk sosial dan kemasyarakatan yang paling digemari oleh remaja ialah lawatan sambil belajar (76.8%) diikuti dengan gotong-royong (74.0%), khidmat nasihat atau

kaunseling (73.5 %) dan kawalan keselamatan (65.5%). Mohd Nizam et al. (2020) menyatakan sudut pengimarahan masjid mesti melihat kepada perkara kebajikan dan komuniti iaitu mesra kanak-kanak, mesra warga emas dan mesra OKU.

Antara isu yang sering terjadi ialah orang tua melarang kanak-kanak solat di tengah saf dan menyuruh mereka solat di belakang. Menurut Wanili (1993), amalan mengasingkan kanak-kanak dalam saf khusus di masjid adalah kurang wajar. Sebaliknya, beliau berpandangan bahawa kanak-kanak perlu berada bersama jemaah dewasa semasa solat bagi mengurangkan kecenderungan mereka untuk berbual atau bermain dengan rakan sebaya. Di samping itu, beliau mencadangkan agar kemudahan wuduk yang mesra kanak-kanak disediakan dengan reka bentuk yang bersesuaian dengan saiz tubuh dan kemampuan mereka.

Faktor tiada tempat atau aktiviti yang menarik minat remaja

Faktor kedua yang menyebabkan remaja kurang minat ke masjid adalah disebabkan tiada tempat atau aktiviti yang menarik minat remaja seperti aktiviti bersukan. Roslan (2003) mendapati bahawa jawatankuasa masjid tidak bersungguh-sungguh memeriahkan program masjid. Iklan program sekadar ditampal di papan kenyataan masjid tanpa bersikap proaktif menyampaikan maklumat program kepada orang awam. Menurut PPMD Parit Buntar (20 Oktober 2020), kehadiran remaja ke masjid sukar dipertingkatkan sekiranya masjid hanya berfungsi sebagai tempat menunaikan solat. Dalam hal ini, PPMD Hilir Perak (1 Oktober 2020) berpandangan bahawa masjid masih dilihat sebagai institusi yang lebih dekat dengan golongan berusia, sekali gus kurang menarik minat remaja. Beliau menjelaskan bahawa selepas tamat sesi persekolahan, sebahagian remaja lebih cenderung menyertai aktiviti seperti menunggang motosikal kerana aktiviti tersebut memberikan keseronokan dan memenuhi keperluan sosial mereka. Oleh itu PPMD Hilir Perak (1 Oktober 2020) mengatakan bahawa antara salah satu cara untuk menarik remaja ke masjid adalah dengan mengadakan aktiviti permotoran. Menurut PPMD Tapah (7 Oktober 2020) pula, ketiadaan kelas pengajian yang berfokus kepada topik remaja juga menjadi salah satu faktor kurangnya remaja ke masjid.

Menurut PPMD Gerik dan Pengkalan Hulu (23 November 2020), ketiadaan usaha ahli jawatankuasa masjid untuk menyediakan kemudahan dan program yang menyasarkan remaja membuatkan remaja lebih menjauhkan diri daripada pergi ke masjid. Contohnya, terdapat fasiliti permainan seperti meja pingpong yang mampu disediakan oleh pihak masjid, tetapi mereka tidak melakukannya. Oleh itu, pihak masjid perlu memperbanyakkan lagi fasiliti untuk kegunaan para jemaah mengikut kadar kemampuan masjid.

Faktor leka dengan permainan gajet

Faktor ketiga ialah terlalu leka bermain permainan gajet atau permainan dalam talian. Menurut PPMD Batu Gajah (12 Oktober 2020), sebagai contoh, sebuah permainan dalam telefon pintar akan mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk menamatkannya seperti *Mobile Legend* dan *PUBG*. Kesan-kesan sebegini bukanlah perkara yang ganjil kerana menurut Abdullah Sallehhuddin et al. (2021), mereka mendapati permainan gajet semasa COVID-19 telah menyebabkan prestasi akademik dan spiritual murid semakin merosot.

Faktor pengaruh rakan sebaya

Faktor keempat ialah pengaruh rakan sebaya. Persekitaran serta pengaruh rakan-rakan mampu membentuk peribadi mereka. PPMD Kampar (12 Oktober 2020) menyatakan bahawa pengaruh rakan yang tidak suka ke masjid dan lebih mengajak kepada perkara lain merupakan penyebab remaja tidak hadir ke masjid. Rasulullah SAW telah menyentuh hal ini. Baginda bersabda yang bermaksud: "Seseorang itu menurut agama teman rapatnya, maka hendaklah kalian melihat siapakah yang menjadi teman rapatnya" (Abu Dawud, no. 4833; hasan).

Selain itu, Rasulullah SAW memberikan perumpamaan bahawa pergaulan dengan individu yang baik adalah seperti mendampingi penjual minyak wangi, yang daripadanya seseorang berkemungkinan memperoleh minyak wangi atau sekurang-kurangnya menikmati keharuman baunya. Sebaliknya, pergaulan dengan individu yang kurang baik diibaratkan seperti mendampingi tukang besi yang boleh menyebabkan pakaian terkena percikan api atau sekurang-kurangnya berbau kurang menyenangkan (al-Bukhari, no. 5534). Perumpamaan ini menunjukkan bahawa pengaruh sosial, terutamanya daripada ibu bapa dan rakan sebaya yang aktif ke masjid, memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan seseorang untuk turut menghadiri dan melibatkan diri dalam aktiviti masjid.

Faktor tidak didedahkan tentang fadilat memakmurkan masjid

Faktor kelima iaitu tidak didedahkan atau ditekankan tentang fadilat hadir ke masjid. Berikut ialah beberapa kelebihan memakmurkan masjid menurut nas al-Quran serta hadis:

1. Dijanjikan hidangan istimewa di syurga. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang berpagi-pagi dan berpetang-petang ke masjid, nescaya Allah menyediakan baginya persiapan daripada syurga setiap kali dia pergi dan pulang" (Muslim, no. 669).

2. Mendapat doa rahmat serta keampunan. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Para malaikat sentiasa mendoakan untuk seseorang daripada kamu selagi dia berada di tempat solatnya dan belum berhadas (dengan ucapan doa); Ya Allah ampunilah dia dan Ya Allah rahmatilah dia" (Al-Bukhari, no. 445).
3. Mendapat cahaya yang sempurna di akhirat kelak. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Sampaikanlah berita gembira buat golongan yang berjalan ke masjid dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat" (Abu Dawud, no. 561; sahih).

Faktor sibuk bekerja

Faktor keenam ialah sebahagian remaja sudah bekerja dan tidak berkesempatan ke masjid. Faktor ini senada dengan kajian Mohamad Azrien, Muhammad Azmi dan Shukeri (2010) yang mendapati bahawa 67.5% responden tidak dapat hadir ke masjid kerana faktor kesihatan manakala 32.5% daripada mereka menyatakan sibuk bekerja. Demikian juga kajian Faridah (2002) yang selari dengan dapatan kajian tersebut.

Selain itu, sebahagian remaja memilih untuk bekerja sejurus selepas menamatkan persekolahan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Memandangkan kebanyakan mereka masih berada pada fasa awal pembinaan kerjaya dan belum mencapai kestabilan pekerjaan, pihak masjid boleh memainkan peranan dengan menganjurkan program pembangunan kerjaya. Pendekatan ini bukan sahaja memenuhi keperluan semasa golongan remaja, malah berupaya meningkatkan keterlibatan mereka dengan institusi masjid. Menurut Saharizah dan Abdul Munir (2018), program masjid berbentuk ekonomi dan perniagaan yang paling digemari oleh remaja ialah taklimat peluang belajar atau kerjaya (71.2%) diikuti dengan kursus pembuatan makanan (63.8%), modal perniagaan (61.5%) dan kursus menjahit (43.6%).

Faktor tidak pandai membaca al-Quran

Faktor terakhir ialah faktor tidak pandai membaca al-Quran. Menurut PPMD Seri Iskandar (23 September 2020), sebahagian remaja segan untuk ke masjid kerana mereka buta huruf atau tidak boleh mengaji al-Quran dengan baik. Menurut Abdul Halim (2015), ramai dalam kalangan masyarakat kampung dan juga bandar yang gagal membaca al-Quran dengan baik walaupun individu berkenaan sering ke masjid dan melakukan solat fardu secara berjemaah.

Bagi mengatasi rasa segan ini, pihak masjid perlu menguar-uarkan wujudnya kelas bacaan al-Quran. Saharizah dan Abdul Munir (2018) mengkaji minat para remaja di Selangor terhadap program keagamaan di masjid. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti paling digemari ialah kelas al-Quran (80.3%) diikuti

dengan ceramah atau tazkirah (76.3%) dan kem smart solat atau ibadat (74.5%). Hal ini menunjukkan bahawa kelas al-Quran menarik para remaja untuk ke masjid sekali gus menarik minat mereka untuk hadir ke masjid. Walaupun kelas di masjid tidak formal, terdapat kajian terhadap 971 responden yang menunjukkan bahawa hanya 1% sahaja yang tidak berminat dengan pendidikan di masjid (Adanan et al. 2013).

CADANGAN KERANGKA PROGRAM MASJID

Cadangan kerangka program ini dibangunkan berdasarkan dapatan temu bual bersama PPMD. Kerangka tersebut dijangka dapat merangkumi faktor-faktor yang mendorong kehadiran remaja ke masjid serta menangani faktor-faktor yang menyebabkan ketidakhadiran mereka. Rajah 1 menunjukkan kerangka umum program yang dicadangkan untuk menarik minat remaja hadir ke masjid.



Rajah 1: Kerangka program untuk menarik minat remaja hadir ke masjid.

Kerangka program ini bermula dengan penganjuran aktiviti riadah (FH2, FTH2) atau permainan berasaskan gajet (FTH3) yang turut melibatkan penyertaan pihak pengurusan masjid bagi mengurangkan jurang komunikasi antara remaja dengan institusi masjid (FH3, FTH1). Semasa aktiviti berlangsung, makanan dan minuman turut disediakan kepada peserta (FH5). Selepas solat Maghrib atau Isyak, majlis penyampaian hadiah kepada pemenang dan peserta akan diadakan. Pemilihan waktu selepas solat Maghrib atau Isyak adalah signifikan kerana kebanyakan individu yang bekerja telah tamat waktu bekerja. Oleh itu, pelaksanaan program pada waktu tersebut memberi peluang kepada remaja yang bekerja untuk turut hadir ke masjid (FTH6).

Hadiah kepada peserta akan disampaikan oleh penceramah terkenal (FH6). Pendekatan ini membolehkan para remaja mengikuti sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah berkenaan secara tidak langsung. Ceramah tersebut boleh menyentuh tentang fadilat menghadiri masjid, peranan masjid dalam kehidupan masyarakat serta kepentingan penglibatan golongan remaja dalam aktiviti masjid (FTH5, FH8). Selain itu, pihak masjid boleh mengambil kesempatan untuk memperkenalkan kelas-kelas pengajian agama (FTH7), program pembangunan diri serta kemudahan yang disediakan di masjid (FH4). Pendedahan ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan seterusnya mendorong remaja untuk hadir serta melibatkan diri secara berterusan dalam pelbagai aktiviti masjid.

Sebahagian masjid tidak pernah melakukan penyelidikan kecil terhadap ceramah-ceramah serta aktiviti yang dijalankan. Kepuasan ahli kariah kurang diambil kira dalam penganjuran aktiviti atau ceramah memandangkan tidak ada catatan atau kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan (Muhamad Faisal dan Firdaus 2018). Wanili (1993, 52) telah memberikan cadangan untuk meningkatkan lagi kualiti fasiliti.

> Seeloknya setiap masjid yang didirikan solat Jumaat agar disediakan kotak seperti kotak pos yang digunakan para jemaah untuk menuliskan pengaduan dan kesusahan mereka agar diketahui oleh khatib. Kemudian diberikan khutbah sesuai dengan apa yang mereka harapkan serta memberikan penyelesaian menurut al-Quran dan hadis sahih.

Penyediaan kotak aduan mungkin sudah banyak dilaksanakan di masjid-masjid di Malaysia. Namun, agak jarang sekali khatib membacakan khutbah berdasarkan aduan-aduan tersebut kerana mereka terikat dengan teks khutbah yang disediakan oleh pihak tertentu. Idea Wanili ini juga boleh diterapkan untuk penilaian ceramah.

KESIMPULAN

Hasil daripada temu bual bersama PPMD di Perak, faktor signifikan yang mempengaruhi remaja untuk ke masjid menurut pandangan PPMD ialah galakan ibu bapa. Manakala faktor signifikan yang mempengaruhi mereka untuk tidak hadir ialah orang masjid yang kurang mesra. Berdasarkan faktor positif dan negatif ini, pengkaji telah mencadangkan kerangka program yang secara umum menerapkan penyelesaian bagi faktor negatif serta idea-idea daripada faktor positif.

Kesimpulannya, pihak masjid perlu pandai menambat jiwa remaja dalam aspek fizikal dan mental agar mereka sentiasa suka dengan masjid. Ibu bapa serta rakan sebaya merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi remaja untuk ke masjid. Para remaja ialah pelapis bagi generasi masa akan datang untuk mengimarahkan masjid. Jika tidak dididik sejak awal, maka umat Islam tiada wadah yang kukuh bagi melestarikan syiar agama Islam di Malaysia.

Kajian ini terbatas di negeri Perak sahaja. Disarankan kepada para pengkaji lain untuk membuat kajian lanjutan berkenaan hal ini dengan menemu bual PPMD di negeri lain selain Perak. Selain itu, disarankan juga agar kajian lanjutan dilakukan dengan menerapkan kerangka program untuk menarik minat remaja ke masjid yang telah diusulkan dalam penulisan ini bagi menguji sejauh mana

ia dapat membantu dalam penyelarasan dan perkongsian aktiviti antara masjid dan remaja. Jika terbukti berkesan, maka dicadangkan agar kerangka program ini diterapkan di semua masjid di Malaysia amnya dan di negeri Perak khususnya memandangkan ia merupakan hasil pengamatan PPMD negeri Perak.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang membiayai kajian di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme* bertajuk "Model Infak Bersepadu (MIB) Antara Masjid dan Kelompok Asnaf Terpilih" dengan kod projek: FRGS/1/2021/SSI0/USM/02/21. Penghargaan juga turut diberikan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Perak iaitu Dato' Harith Fadzilah Abd Halim dan Penolong Pengarah Kanan Pengimarahan Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak iaitu Haji Amir Sufrilnizam Shaari dalam membenarkan serta menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

Abdul Halim Taib. 2015. Tahap kefahaman Fardhu Ain pelajar Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan. Undergraduate project paper, Faculty of Applied Social Sciences, Open University Malaysia.

Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud and Abdul Hadi Borham. 2015. Penyediaan kemudahan orang kurang upaya (OKU) di masjid-masjid: Kajian kes di masjid-masjid daerah Batang Padang. *Al-Hikmah* 7(1): 62–78. https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/116 (accessed 1 May 2023).

Abdul Munir Ismail. 2012. *Urus tadbir masjid secara berkesan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdullah Sallehhuddin Abdullah Salim, Norzarina Md. Yatim, Siti Zainab Ibrahim, Muhamad Razak Idris, Baktiar Hasnan and Masitah Esa. 2021. The Impact of pandemic COVID-19 on the activism, financial and digital well being of mosque institution. *3rd ICDIS Islam and Southeast Asian Communities Welfare in the COVID-19 ERA* 2(1): 185–204.

Abdullah Walad Ibrahim. 2008. *Zad al-Muta'abbid fi Ahkam wa Adab al-Masajid*. Mauritania: Dar Yusuf bin Tasyafin.

Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath. n.d. *Sunan Abi Dawud* (tahkik: Muhyi al-Din). Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.

Adanan Mat Junoh, Zulkiple Abd Ghani, Mohd Rushdan Mohd Jailani and Khairunneezam Mohd Noor. 2013. Profil penyertaan dalam pendidikan non-formal di masjid: Implikasi terhadap pembangunan modal insan belia. *Jurnal Ulum Islamiyyah Journal* 11: 31–47. https://doi.org/10.12816/0008072

Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria and Norulhuda Sarnon. 2021. Metod kajian kualitatif. In *Penulisan tesis: Kajian kualitatif dan kuantitatif*, eds. Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi and Nazirah Hassan, 55–84. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali ibn Hajar. 1959/1379H. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 2001/1422H. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah ﷺ wa Sunanih wa Ayyamih @ Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dar Touq al-Najah.

Ali al-Tantawi, Muhammad. n.d. *Al-Jami' al-Umawi fi Dimashq*. Damsyik: Wizarah al-Awqaf.

Ali al-Qari, Mulla. 2002. *Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. 9 jil. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Raghib, al-Husain bin Muhammad. 1991/1412H. *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Tahqiq oleh Safwan. Beirut: Dar al-Qalam.

Al-Razi al-Lughawi, Muhammad bin Abi Bakr. 1999. *Mukhtar al-Sihhah*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Shaukani, Muhammad bin 'Ali. 1993. *Nail al-Autar*. 8 jil. Mesir: Dar al-Hadith.

Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa. 1975. *Sunan al-Tirmidhi*. 5 jil. Mesir: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Creswell, J.W. and C.N. Poth. 2018. *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. 4th ed. Thousand Oaks, California: Sage Publications.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus dewan edisi keempat*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Faridah Mohd Sairi. 2002. Program dakwah Masjid Abu Bakar, Temerloh, Pahang. Kajian mengenai sambutan dan masalah. In *Koleksi kertas kerja seminar pembangunan masjid*, eds. Raihanah Azahari and Mohamad Zaidin Mohamad, 113–124. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Fauwaz Fadzil Noor. n.d. *Fiqah pengurusan masjid*. Perak: Jabatan Agama Islam Perak.

Ibn Abi Shaibah, Abdullah bin Muhammad. 1988/1409H. *Al-Kitab al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar @ Musannaf Ibn Abi Shaibah* (tahqiq: Kamal Yusuf). Riyad, Arab Saudi: Maktabah al-Rushd.

Ibn Hibban, Muhammad. 2012. *Sahih Ibn Hibban*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Ibn Rajab al-Hanbali, 'Abd al-Rahman. 1996. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. 9 jilid. Madinah: Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyyah.

Iyad Musa. 1998. *Ikmal al-Mu'lim bi Fawa'id Muslim* (tahkik: Dr. Yahya). 8 jil. Mesir: Dar al-Wafa'.

Jeffery, A. 2007. *The foreign vocabulary of the Qur'an*. Leiden, Netherlands: Brill.

Kementerian Kesihatan Malaysia, Cawangan Kesihatan Keluarga Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. 2005. Garis panduan pelaksanaan perkhidmatan kesihatan remaja di peringkat kesihatan primer. https://www.infosihat.gov.my (accessed 23 January 2023).

Mahayudin Abu Bakar. 2007. Aktiviti-aktiviti dakwah di masjid-masjid di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Satu penilaian. Master diss., Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Marzuki Sepiaail. 2011. Pengurusan program Masjid Sultan Idris Shah II, Slim River Perak dalam pemantapan akidah. Master diss., Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Azrien Mohamad Adnan, Muhammad Azmi Mustapha and Shukeri Mohamad. 2010. Pemahaman dan perlaksanaan solat berjamaah: Kajian ke atas masyarakat Kg Paya Lada. In *Isu-isu pengurusan dan pengimarahan Masjid di Alaf Baru*, ed. Ahmad Najib Abdullah, 113–124. Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 1999. *Peranan, kurikulum dan reka bentuk masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Sulong. 2002. Aktiviti Masjid Bandar Tun Razak Cheras dalam pembangunan masyarakat Islam: Suatu analisis. Academic exercise. Universiti Malaya.

Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Muhammad Imran Hj Ibrahim, Narimah Samat and Shamsul Rijal Muhammad Sabri. 2020. *Modul remaja al-Ridzuan*. Perak: Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak.

Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd Ghani, Che Pee Saad and Md. Sabri Adnan. 2008. Surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan: Kajian kes di institut pengajian tinggi. In *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6*, eds. Ab. Halim Tamuri, Zetty Nurzuliana Rashed, Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, Shahrin Awaludin, Nur Hanani Hussin and Norasmah Othman, 91–99. Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Nizam Sahad and Ahmad Badri Abdullah. 2010. Usaha-usaha ke arah penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran masjid. In *Isu-isu pengurusan dan pengimarahan masjid di alaf baru*, ed. Ahmad Najib Abdullah, 43–60. Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Muhamad Faisal Ashaari and Firdaus Mokhtar. 2018. Pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari* 10(2): 205–223. https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/28944 (accessed 1 May 2023).

Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad and Suhaila Abdullah. 2020. Pembangunan remaja masjid masa kini: Satu tinjauan di masjid daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 168–183.

Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad, Mohd Faizal Abdul Khir and Saiful Azizi Abd Manap. 2022. Pengurusan takmir dan peranan dalam pengimarahan masjid dan surau negeri Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 160–181.

Muslim Hajjaj. 1955. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasul Allah ﷺ @ Sahih Muslim* (tahkik: Fuad). Beirut, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Nor Hasimah Arbain and Abdul Munir Ismail. 2019. Pelaksanaan program dakwah di masjid-masjid daerah Batang Padang Perak Darul Ridzuan. In JAUHARI: *Penulisan Penyelidikan Mencetus Fakta, Menyalur Idea*, ed. Rozita Md. Noh, 25–34. Selangor: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan IPG Kampus Pendidikan Islam.

Omer, S. 2014. *The mosque as a community center*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Rizam Tambi Chik and Maimun Aqsha Lubis. 2010. Masjid sebagai pusat perkembangan tamadun Islam. In *Prosiding seminar memperkasa masjid sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran*, eds. Raihanah Hj. Azahari, Siti Zubaidah Ismail and Asmak Ab. Rahman, 49–60. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Roslan Mohamed. 2003. Keberkesanan program masjid: Kajian umum masjid-masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. In *Membangun Institusi Masjid*, eds. Norrodzoh Siren and Yumini Md. Yusof, 37. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Saharizah Mohamad Salleh and Abdul Munir Ismail. 2018. Tahap keaktifan aktiviti dakwah remaja di masjid-masjid negeri Selangor: Satu tinjauan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Negeri Selangor* 2(1): 1–12.

Saharizah Mohamad Salleh. 2019. Aktiviti dakwah kepada remaja dan hubungannya dengan kemahiran pengurusan aktiviti di masjid-masjid Negeri Selangor. PhD diss., Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=6801 (accessed 1 May 2023).

Suhaila Abdullah, Mohd Nizam Sahad, Jasni Sulong and Mohd Farid Mohd Sharif. 2008. Peranan masjid negara dalam membangunkan modal insan remaja lestari. In *Prosiding wacana pendidikan Islam peringkat kebangsaan siri ke-6*, eds. Ab. Halim Tamuri, Zetty Nurzuliana Rashed, Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, Shahrin Awaludin, Nur Hanani Hussin and Norasmah Othman, 177–183. Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

van Manen, M. 1990. *Researching lived experience: Human science for an action sensitive pedagogy*. Albany: State University of New York Press.

Wanili Khairuddin. 1993. *Al-Masjid fi al-Islam Ahkamuh Adabu Bida'uh*. Jordan: Al-Maktabah al-Islami.

Zawawi Ismail. 2007. Perspektif al-Quran dan sunah bagi kecemerlangan umat. In *Islam hadhari: Kekuatan masjid dalam menjana masyarakat gemilang*, ed. Abd. Hamid Othman, 3–25. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.